

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 22.05.2025 MASA: 01.00PM  
**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO'** HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL. 2/2025

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**23 MEI 2025 (JUMAAT)**  
**8:40 PAGI**

**RUANG LEGAR  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

- 1. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  - 2. Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  3. Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai
  4. Rakan-Rakan Media
  5. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian
- .....

Biismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana sekali lagi kita diberi kesempatan untuk berhimpun pada hari ini dalam keadaan sihat, bersemangat dan bertenaga.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir, khususnya barisan Ketua WHIP, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
3. Perhimpunan Korporat ini merupakan satu platform yang amat penting dan berkesan dalam menyampaikan hasrat serta aspirasi MBSP kepada seluruh warga organisasi.
4. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak urus setia yang telah memastikan perhimpunan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, mengikut skala dan tatacara yang telah ditetapkan.
5. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada seluruh warga kerja, khususnya kita semua yang merupakan pekerja KESUMA bangsa – pekerja yang menyumbang secara ikhlas, berdisiplin dan berdedikasi dalam membina kemajuan organisasi dan negara.

6. Kita semua adalah pekerja. Setiap hari, kita melangkah masuk ke pejabat, ke lapangan, ke lokasi kerja — bukan sekadar untuk menjalankan tugas, tetapi untuk menunaikan amanah. Hari Pekerja mungkin telah berlalu, tetapi semangatnya kekal dalam jiwa kita.
7. Jangan pernah anggap usaha kita kecil. Setiap dokumen yang disiapkan, setiap tindakan yang diambil, setiap masalah yang diselesaikan — semuanya menyumbang kepada kemajuan bersama.
8. Saya sendiri, seperti tuan-tuan dan puan-puan, juga seorang pekerja. Maka apabila kita bekerja, bekerjalah dengan ikhlas dan penuh dedikasi. Setiap tugasan, walaupun tampak kecil, adalah satu amanah yang memberi makna besar kepada keseluruhan sistem perkhidmatan kita.
9. Kita mungkin merasakan bahawa pelbagai perubahan telah kita lakukan. Namun, perubahan adalah proses yang berterusan. Teruskan bekerja dengan tekun dan berani menghadapi cabaran baharu, kerana setiap hari hadir dengan tuntutan dan harapan yang perlu kita penuhi bersama.
10. Insya-Allah, segala usaha dan pengorbanan ini tidak akan sia-sia. Akan ada hasil yang baik, akan ada penghujung yang bermakna — jika kita terus setia, jujur dan berusaha demi kebaikan bersama.

11. Teruskan berusaha, teruskan berubah, kerana cabaran tidak pernah berhenti. Dan pekerja sejati adalah mereka yang tetap berdiri walau angin perubahan terus bertiup kencang.
12. Tidak dinafikan, sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan, MBSP seringkali berdepan dengan pelbagai cabaran dan kekangan dalam usaha memenuhi ekspektasi masyarakat yang semakin meningkat. Kita tidak boleh terus berada di takuk lama — dalam suasana kerja yang masih dibelenggu dengan mentaliti dan fahaman lama yang tidak lagi relevan dalam arus cabaran masa kini.
13. Teknologi Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) telah terbukti sebagai alat yang sangat berharga dalam pentadbiran moden. Daripada automasi tugas rutin sehingga kepada analitik data yang kompleks, AI menawarkan pelbagai manfaat yang dapat meningkatkan kecekapan, keselamatan dan keberkesanan operasi sesebuah organisasi.
14. Sejajar dengan perkembangan ini, MBSP memberikan keutamaan kepada usaha memperkasa modal insan agar kita tidak ketinggalan dalam menyediakan barisan kakitangan yang mampu menyumbang nilai, kreativiti dan empati dalam perkhidmatan awam.
15. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia melalui Seksyen Pembangunan Modal Insan kini bukan sekadar menghantar pegawai dan kakitangan menghadiri kursus atau bengkel berkaitan teknologi AI,

tetapi turut membentuk minda yang tangkas, terbuka kepada perubahan dan bersedia untuk berinovasi.

16. Melalui inisiatif ini, kita yakin dapat meningkatkan literasi digital dan AI, memperkuuh kemahiran pemikiran kritikal, kerja berpasukan serta komunikasi — dan yang paling utama, menyemai budaya pembelajaran berterusan sebagai teras kemajuan organisasi.
17. Sebagai contoh, saya ingin merakamkan tahniah kepada Bahagian Keselamatan Komuniti atas usaha melaksanakan Sistem Smart Building. Inisiatif ini amat selari dengan keperluan semasa dan telah membawa elemen AI ke dalam kawalan keselamatan MBSP.
18. Nasihat saya mudah: mulakan. Dan jika ada komen — terima. Bukan untuk sakit hati, tapi untuk tambah baik. Usaha yang baik sentiasa boleh jadi lebih baik jika kita bersedia mendengar dan memperbaiki.”
19. Pencapaian MBSP yang Membanggakan
  - a) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024  
315 orang daripada 3,949 kakitangan menerima APC sebagai pengiktirafan prestasi terbaik.
  - b) Pertandingan Inovasi MALA 3.0 – Projek E-FIZ 2.0  
MBSP layak ke peringkat akhir, meraih tempat ke-15 daripada 30 PBT terbaik, membawa pulang:

- i. Geran projek BP1 RM30,000
  - ii. Piala iringan, wang tunai RM500 dan sijil penyertaan
- c) Anugerah Majikan Prihatin (PBT) 2025 – CUEPACS

MBSP diiktiraf atas komitmen menjaga kebajikan dan kesejahteraan kakitangan.

- d) Pencapaian Antarabangsa – Pelari Denai MBSP

- i. Dr. Izzat Azmeer Ahmad:

Naib Juara Terbuka Lelaki (10km) – Kalas Penang Skyrace

Naib Juara Kategori Lelaki 20–34 tahun – Mist 20k, Thailand

- ii. En. Muhammad Zulhilmi Yaakob:

Tamat Jungle 50km — satu pencapaian luar biasa

- e) GRPB Champion Award 2024 – Pusingan Akhir

10 kumpulan berjaya ke pusingan akhir pada 25 Mei 2025.

Semoga idea dan inovasi mereka dapat menyemarakkan semangat perubahan dalam MBSP.

20. Saya menyeru agar setiap daripada kita memainkan peranan sebagai agen Transformasi Bandaraya. Bunyi macam berat, tapi percayalah — setiap tindakan kecil kita di tempat kerja adalah langkah ke arah

pembangunan yang berkualiti, berprestasi tinggi dan berdaya saing.

Kalau bukan kita, siapa lagi?

21. Nilai, etos kerja dan integriti bukanlah barang hiasan di dinding bilik mesyuarat — ia perlu hidup dalam setiap keputusan dan tindakan harian kita.
22. MBSP bukan calang-calang PBT — kita ada sembilan persijilan, lengkap dengan SOP. Bukan untuk dipamer, tapi untuk dipatuhi. SOP bukan menyusahkan, tapi menyelamatkan. Bila ikut SOP, kerja jadi mudah, pelanggan puas hati, dan kita pun tak pening kepala.
23. Budaya Kerja Harmoni & Anti-Fitnah:
  - a) Namun satu perkara yang perlu diberi perhatian serius — budaya kerja yang positif. Saya minta semua warga MBSP jauhi khabar angin, fitnah dan adu domba yang boleh merosakkan hubungan sesama kita. Jangan jadi agen kekeliruan.
  - b) Saya ulangi ungkapan yang saya pernah sebut beberapa kali: Dengar, jangan percaya. Lihat, jangan berkata-kata. Kecuali — periksa.
  - c) Nilai ini mesti kita pegang. Jangan kerana satu cerita yang belum disemak, kita bermasam muka. Jangan kerana cakap orang, satu jabatan jadi porak-peranda.

- d) Kita semua satu pasukan. Jaga mulut, jaga hati, jaga organisasi. Kalau ada isu — jumpa, bincang. Jangan buat andaian, jangan jadi ‘keyboard warrior’ ofis. Kita profesional, maka bertindaklah secara profesional.
24. Akhir kata, bila cabaran datang — jangan panik. Hadapilah dengan tekun, ikhlas dan kerja berpasukan. Bekerjalah dalam semangat perubahan supaya kita ini sentiasa diperlukan, bukan sekadar wujud di carta organisasi.
25. Dan sebelum saya undur diri — Selamat Hari Guru buat semua pendidik, termasuk rakan strategik MBSP yang banyak mencurahkan ilmu. Anda semua guru dalam bidang masing-masing — dan ya, kadang-kadang guru juga perlu belajar daripada staf teknikal!

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***